

TARIKH	12 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	42	RUANGAN	Bisnes

# Kad prabayar haji

Al Rajhi Bank keluar 5,000 Al-Musafir untuk jemaah tahun ini

Shanty Nur Shaffizan  
Shafee

**A**L-RAJHI Bank (Al-Rajhi) menasarkan mengeluarkan 5,000 kad prabayar Al-Musafir yang bakal ditawarkan kepada jemaah umrah dan ziarah tahun ini.

Pemangku Pengarah Perbankan Runcit Al-Rajhi, Zulhisham Zailan berkata, sehingga kini 10,000 kad Al-Musafir dikeluarkan sejak ia diperkenalkan pada 2008 dan kad itu bertujuan memudahkan pengeluaran wang oleh jemaah haji atau umrah di Makkah serta Madinah melalui mesin juruwang automatik (ATM).

"Kami mempunyai 201 ATM yang beroperasi 24 jam dan pada tahun ini, kami mengeluarkan 300 kad serta bekerjasama dengan pihak Lembaga Tabung Haji dan agensi pelancongan bagi mempromosikan kad ini.

"Kad ini juga boleh digu-



**TAHNIAH**  
...Zulhisham (kanan) berbual dengan sebahagian pemegang akaun i-Zamzam yang memenangi hadiah cabutan bertuah.

nakan di seluruh Arab Saudi kerana Al-Rajhi mempunyai 3,300 ATM di negara berkenaan," katanya ketika di temui pada majlis penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada 10 pemegang akaun i-Zamzam yang memenangi pakej menunaikan haji dan umrah di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, kad prabayar Al-Musafir boleh didapati bermula harga 550 Saudi Riyal (RM460) dengan caj pengeluaran iaitu 4 Saudi Riyal (RM3.20) berbanding caj Visa dan Master sekitar RM10 hingga RM12 selain mempunyai tempoh luput selama setahun manakala baki boleh dipindah milik

atau dituntut semula.

Mengenai perluasan operasinya di negara ini, Zulhisham berkata, Al-Rajhi bakal membuka tiga cawangan lagi tahun depan iaitu di Kuala Terengganu, Johor dan Pulau Pinang sebagai tambahan kepada 24 cawangan di seluruh negara dengan jumlah pelanggan 150,000 orang.